

22/07/1999

Kementerian minta lulusan DPM bersabar

KEMENTERIAN Pendidikan meminta lulusan Diploma Perguruan Malaysia (DPM) yang belum menerima tawaran mengajar supaya bersabar kerana proses untuk menempatkan mereka ke sekolah sedang dijalankan.

Menterinya, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, berkata sebahagian besar daripada graduan DPM itu yang ditawarkan berkhidmat di Sabah dan Sarawak sudahpun memulakan perkhidmatan mereka.

"Sebahagian lagi yang belum menerima surat tawaran diminta bersabar kerana kita dalam proses memilih sekolah yang memerlukan khidmat guru," katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat Pasca Kabinet di kementeriannya, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan Berita Harian kelmarin bahawa sebahagian besar daripada 8,600 lulusan DPM yang sepatutnya mula mengajar 1 Julai lalu masih belum ditawarkan tempat mengajar.

Dalam perkembangan lain, Najib meminta ibu bapa dan guru supaya memainkan fungsi masing-masing bagi memastikan anak atau pelajar memberi tumpuan lebih terhadap pelajaran.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedih dengan perbezaan pencapaian pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera yang boleh menimbulkan perasaan iri hati, beliau berkata;

"Dalam hal ini, ibu bapa dan guru perlu memainkan fungsi untuk memastikan pelajar menumpukan perhatian yang maksimum terhadap pelajaran supaya mencapai kejayaan lebih baik," katanya.

(END)